

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW  
[ KEPONG ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan peruntukan untuk promosi pelancongan, penyelenggaraan destinasi pelancong dan tahap pencapaian berbanding negara maju**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan untuk promosi pelancongan adalah sebanyak RM79.85 juta pada tahun 2015 iaitu pengurangan sebanyak 3.5% berbanding tahun 2014 dan ini memberikan cabaran kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi dan merealisasikan kempen-kempen yang ingin dilaksanakan.

Jumlah peruntukan untuk penyelenggaraan yang disediakan di bawah Program Naik Taraf / Penyelenggaraan Projek, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah sebanyak RM91.09 juta bagi membiayai 226 buah projek penyelenggaraan produk-produk pelancongan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi pencapaian ketibaan pelancong asing, Malaysia telah mencatatkan seramai 27.4 juta orang pelancong asing pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 6.7% berbanding 25.7 juta orang pelancong asing pada tahun 2013. Pendapatan pelancongan pula, mencatatkan sebanyak RM72 bilion dengan peningkatan sebanyak 10% berbanding RM65.4 bilion pada tahun 2013.

Tahap pencapaian Malaysia juga boleh dilihat dari segi pengiktirafan yang diterima di persada antarabangsa seperti yang berikut:-

- i. Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai destinasi nombor satu Pelancongan Mesra Muslim Dunia untuk tahun 2013, 2014 dan 2015 berdasarkan Kajian MasterCard-CrescentRating Global Muslim Travel Indeks;
- ii. Malaysia diiktiraf sebagai Destinasi Keluarga Terbaik untuk tahun 2014 oleh Lonely Planet;
- iii. Malaysia diiktiraf sebagai Destinasi Golf Terbaik Asia bagi tahun 2014 oleh World Golf Awards;
- iv. Kuala Lumpur diiktiraf tempat ke-4 bagi Destinasi Membeli Belah Terbaik di Dunia untuk tahun 2012 dan 2013 selepas New York, Tokyo dan London oleh CNN-Global News Network; dan
- v. Malaysia diiktiraf tempat ke-10 bagi Destinasi Pengembaraan Terbaik untuk tahun 2014 oleh Lonely Planet; dan
- vi. Malaysia diiktiraf tempat ke-4 “*World’s Best Retirement Haven in 2015*” oleh Internationalliving.com-Global Retirement Index.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 38 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10 JUN 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK  
FOH  
[ SANDAKAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina satu balai Bomba dan Penyelamat di kawasan Karamunting memandangkan banyak kes kebakaran berlaku di kawasan tersebut baru-baru ini kerana balai yang terdekat terletak agak jauh dari kawasan tersebut mengakibatkan berlakunya kelewatan untuk menyelamatkan nyawa.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat permohonan perolehan tapak balai bomba di kawasan Batu Sapi, Sandakan pada Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) tahun 2016.

Berdasarkan Kajian *Fire Cover* oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), kawasan Karamunting akan diletakkan bawah jagaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Batu Sapi apabila ianya siap dibina kelak.

**SOALAN ( 39 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10 JUN 2015  
[ RABU]**

**DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Awam (PPA) yang terbengkalai dan usang yang perlu kepada pembaikan semula dan apakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan pembinaan PPR ini serta membina Projek Perumahan Transit seperti yang telah dilaksanakan di bandar besar sebelum ini untuk memberikan peluang kepada rakyat di kawasan lain untuk turut menikmati kemudahan yang Kerajaan sediakan untuk kemaslahatan rakyat.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang terbengkalai dan usang. Bagi projek PPR yang memerlukan pembaikan, Kerajaan telah menyediakan Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) untuk membaik pulih/menyelenggara PPR yang berkenaan.

Antara skop kerja pembaikan yang boleh dibuat melalui peruntukan TP1M adalah seperti berikut:-

- (i) Penyelenggaraan atau baik pulih lif;
- (ii) Penyelenggaraan Tangga;
- (iii) Penyelenggaraan Bumbung;

- (iv) Mengecat Bangunan;
- (v) Membaiki tangki air dan sistem retikulasi;
- (vi) Penyelenggaraan paip sanitari;
- (vii) Pendawaian semula;
- (viii) Membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni;
- (ix) Kerosakan-kerosakan lain yang diputuskan wajar diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung; dan
- (x) Kerosakan am yang melibatkan harta bersama (*common property*).

Adalah menjadi keutamaan Kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan setinggan untuk memiliki rumah. Oleh itu, Kerajaan akan terus memperluaskan program PPR agar golongan sasaran tersebut akan mendapat manfaat daripada program tersebut.

Kerajaan telah pun memulakan Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) yang bertujuan memberikan kemudahan perumahan kepada pasangan muda yang berkelayakan. Pada masa ini, Kementerian telah melaksanakan Program RT1M di PPR Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang melibatkan sebanyak 632 unit. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersedia untuk meluaskan program ini ke kawasan bandar yang lain sekiranya terdapat permintaan daripada golongan sasaran.